

S.H 8/12/2019 mis 44

# Rezeki ikan darat di musim banjir

**PASIR MAS** - Banjir yang melanda Rantau Panjang di sini sejak beberapa hari lepas membawa rezeki kepada seorang pemuda dengan menjual ikan darat yang mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat setempat.

Mohd Nazri Che Tengah, 24, dari Kampung Bawah Lembah, Gual Periorek di sini berkata, beliau mengambil peluang menahan pukat di kawasan dinaike air sekitar Rantau Panjang untuk menangkap pelbagai jenis ikan darat seperti keli, haruan, tembangan, limbat, tapah, patin

dan sepat.

"Selain menahan sendiri pukat, saya juga membantu menjual hasil tangkapan saudara-mara dan rakan-rakan di tepi jalan.

"Dengan jualan sebanyak RM15 bagi sekilogram semua jenis ikan, dapatlah saya tambah pendapatan selain dibahagikan bersama rakan-rakan," katanya ketika ditemui di Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang di sini baru-baru ini.

Mohd Nazri berkata, setiap hari dia mampu menjual sehingga 50 kilogram pelbagai jenis ikan

"Bagi sesetengah orang



**Mohd Nazri (kiri) melayani pelanggan yang ingin membeli ikan darat yang dijual di tepi Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang.**

ikan darat agak menggeli-kan namun masih ramai yang gemarkannya apatah lagi jika dibuat gulai kuning ataupun digoreng berlada.

"Setakat ini, tiada kejadian tidak diingini berlaku ketika proses menangkap ikan. Kalau terkena sengat itu perkara biasa," katanya.